

08 APR 2001

Mahathir - Projek (Bergambar)

DR MAHATHIR TINJAU PROJEK PEMBANGUNAN DI LANGKAWI

LANGKAWI, 8 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melakukan lawatan kerja sehari ke Langkawi dengan meninjau projek-projek pembangunan di pulau peranginan ini.

Perdana Menteri yang tiba di sini malam tadi, memulakan lawatannya dengan mengunjungi taman perlindungan ular di Ulu Melaka di sini.

Taman seluas dua hektar itu dibangunkan tahun lepas dengan kos RM3 juta. Ia juga mempunyai taman herba yang menempatkan pokok-pokok ubat yang digunakan pada zaman dulu untuk mengubati kesan patukan ular seperti Pokok Setawar Ular dan Kapal Terbang.

Ia mula dibuka kepada orang ramai bulan lepas dengan mengenakan bayaran RM15 bagi dewasa dan RM7 bagi kanak-kanak.

Dr Mahathir kemudian diberi taklimat mengenai taman itu oleh pakar ular Othman Ayeb. Taman itu yang menempatkan 200 ekor spesies ular tempatan seperti ular sawa, kapak, tedung senduk dan tedung selar dikendalikan 17 kakitangan.

Dr Mahathir yang diiringi Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain juga menyaksikan persembahan penjinak ular beraksi dengan ular sawa sepanjang tujuh meter seberat 75 kg yang diberi nama "Chombi" serta beberapa ular bisa lain.

Taman itu mempunyai sebuah dewan interaktif dan pentas pertunjukan untuk persembahan setiap hari selain dewan yang menempatkan satu sudut pencapaian Malaysia seperti pencapaian Othman yang tinggal bersama 150 ekor ular berbisa selama 27 hari pada 1998.

Ia juga mempunyai 12 akuarium yang menempatkan ular eksotik seperti sawa putih dan ular jinak yang dilepaskan untuk dipegang oleh pelawat selain mempamerkan rangka ular sawa, kapak dan tedung senduk.

Dr Mahathir kemudian meninjau projek pemulihan Pantai Kok dan penahan ombak di pantai itu yang menelan belanja RM29.6 juta di Teluk Burau.

Projek berkenaan merupakan usaha kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) untuk menjadikan Teluk Burau satu lagi pusat pertumbuhan baru untuk menarik pelancong dengan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk taman rekreasi dan bazar membeli-belah.

Dr Mahathir diberi taklimat mengenai projek itu di anjung jeti "istana musim panas Raja Mongkut" yang merupakan set penggambaran untuk filem "Anna and The King" yang dibina oleh pengeluar filem Hollywood.

Beliau kemudian melakukan upacara ringkas pecah tanah projek perkhidmatan kereta kabel menghubungkan puncak Gunung Mat Cincang setinggi 708 meter dengan stesen pangkalan di kompleks membeli belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau.

Projek itu akan dilaksanakan secara usaha sama antara Dopple-Mayer, syarikat pembuat kereta kabel terkemuka dunia dari Australia, dan sebuah syarikat tempatan.

Sebanyak RM46 juga diperuntukkan bagi pembinaan projek itu yang dijangka siap dalam tempoh 60 minggu.

Sebelum ini, LADA telah mendapatkan khidmat Wyss Planning Consultants dari Switzerland untuk membuat kajian berhubung projek itu awal Mei tahun lepas yang mendapati projek itu berdaya maju dengan menggunakan kereta kabel berbentuk gondola yang boleh membawa enam orang setiap perjalanan.

Dr Mahathir kemudian melawat projek pengindahan Kuala Sungai Melaka dan pusat membaik pulih kapal layar di Tanjung Lembang.

-- BERNAMA

NH MAI